BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

S3

Suku Ketiga 2026

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

03 Sorotan Penting

04 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

05 Perkembangan Ekonomi Malaysia

10 Perkembangan Monetari dan Kewangan

13 Pertimbangan Dasar

15 Tinjauan Makroekonomi

20 Rencana: Menggalakkan Aliran Pelaburan Dua Hala Melalui Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (QRI)

25 Tambahan

Sorotan Penting bagi S3 2026

KDNK meningkat sebanyak 5.5% (S2 2026: 6%)

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan?

Pertumbuhan eksport yang kukuh
Eksport Barangan dan Perkhidmatan: 25.2% (S2 2026: 17%)

Perbelanjaan isi rumah yang berterusan
Penggunaan Swasta: 4.3% (S2 2026: 4.8%)

Aktiviti pelaburan yang mantap
Pembentukan Modal Tetap Kasar: 8.1% (S2 2026: 4.6%)

Keadaan pasaran pekerja kekal menggalakkan

Kadar pengangguran rendah
3%
(S2 2026: 3%)

Gaji terus meningkat
4.2%
(S2 2026: 4.2%)

Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.9% (S2: 1.9%)

Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi inflasi?

Caj elektrik yang lebih tinggi pada bulan Julai dan Ogos
Inflasi elektrik: 2%
(S2 2026: -3.7%)

Harga bahan api yang lebih rendah, khususnya harga diesel
Inflasi bahan api: 1.8%
(S2 2026: 4.7%)

Inflasi teras yang lebih rendah didorong terutamanya oleh barangan kemas dan jam tangan
Inflasi teras: 1.7%
(S2 2026: 1.9%)

Ringgit kekal stabil berbanding mata wang rakan dagangan utama

NEER* Ringgit
-1.4%
(S2 2026: -0.8%;
YTD: -0.5%)

MYR/USD
-0.2%
(S2 2026: -0.8%;
YTD: -0.8%)


Indeks Dolar AS
+0.3%
(S2 2026: +1.2%;
YTD: +5.3%)

*NEER: Kadar Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate)
Nota: Sejak awal tahun hingga 16 November 2026 (Year-to-date, YTD).

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global berdaya tahan pada S3 2026


KDNK ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan perdagangan yang kukuh dalam kalangan ekonomi serantau

Eksport ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara


Sorotan

- **Pertumbuhan kekal berdaya tahan, meskipun tidak sekata, pada S3 2026.** Di AS, penggunaan yang berdaya tahan dan pelaburan berkaitan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) menyokong kegiatan ekonomi. Di China, eksport yang lebih kukuh membantu mengimbangi permintaan dalam negeri yang lebih rendah.
- **Permintaan kukuh terhadap produk teknologi**, khususnya komponen berkaitan AI, telah melonjakkan eksport di beberapa ekonomi serantau.
- **Inflasi keseluruhan kekal tinggi.** Konflik di Timur Tengah yang kembali meruncing telah meningkatkan semula tekanan harga tenaga yang menyumbang kepada peningkatan inflasi pada hujung suku tersebut.
- **Yang penting, harga minyak mentah Dated Brent kekal tinggi**, dengan purata USD97 setong pada S3 2026 (S2 2026: USD104 setong). Kebimbangan berhubung dengan bekalan meningkat berikutan serangan terhadap perkapalan di Laut Merah dan saluran paip Timur-Barat Saudi, ditambah dengan inventori yang semakin berkurang. Walau bagaimanapun, pengaturan eksport alternatif dan penyesuaian logistik di rantau Teluk telah membantu meneruskan aliran minyak mentah, lantas mengehadkan sebahagian tekanan menaik selanjutnya pada harga minyak.

Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK meningkat sebanyak 5.5% pada S3 2026


Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang sebanyak 1.5%

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S3 2026

Perbelanjaan isi rumah terus berkembang didorong oleh pasaran pekerja yang menggalakkan dan pertumbuhan pendapatan yang stabil, namun dipengaruhi kesan asas

Pelaburan swasta yang lebih tinggi disokong oleh perbelanjaan bagi jentera dan peralatan serta struktur

Pertumbuhan eksport yang kukuh dengan sokongan berterusan daripada barangan berkaitan teknologi dan pelancongan

Faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S3 2026

Pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah disebabkan oleh aktiviti penyelenggaraan yang dirancang

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

4.3%
(S2 2026: 4.8%)

Disokong oleh pasaran pekerja yang menggalakkan, namun dipengaruhi kesan asas daripada pindahan tunai yang lebih besar pada S3 2025

Pelaburan Swasta

9.4%
(S2 2026: 4.3%)

Pelaburan yang lebih tinggi dalam jentera dan peralatan serta struktur

Penggunaan Awam

1.2%
(S2 2026: 7.6%)

Perbelanjaan yang lebih rendah khususnya untuk bekalan dan perkhidmatan

Pelaburan Awam

3%
(S2 2026: 6.3%)

Perbelanjaan modal syarikat awam yang lebih rendah berikutan siapnya projek-projek utama

Eksport Bersih

5.7%
(S2 2026: 168.5%)

Eksport berkaitan teknologi kukuh, sebahagiannya diimbangi oleh import perantaraan dan import modal

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disokong oleh kekukuhan aktiviti sektor perkilangan dan perkhidmatan

Pertumbuhan tahunan, %

Perkhidmatan

5.8%
(S2 2026: 5.9%)

Pertumbuhan perkhidmatan berkaitan perniagaan lebih kukuh

Perkilangan

7.7%
(S2 2026: 7.3%)

Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pengeluaran E&E berikutan permintaan berkaitan AI yang kukuh

Pertanian

1.4%
(S2 2026: -3.6%)

Pengeluaran minyak sawit yang lebih kukuh kerana kadar hasil bertambah baik di seluruh negara

Perlombongan

-6.1%
(S2 2026: 9.2%)

Output minyak dan gas asli yang lebih rendah disebabkan oleh aktiviti penyelenggaraan berjadual

Pembinaan

5.9%
(S2 2026: 6.5%)

Aktiviti pembinaan bukan kediaman yang kukuh diimbangi oleh segmen kediaman yang lebih perlahan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja


Pasaran pekerja kekal menggalakkan

- Kadar pengangguran kekal pada 3% pada S3 2026 (S2 2026: 3%, 2015-19: 3.3%).
- Guna tenaga meningkat sedikit kepada 16.82 juta orang pada S3 2026 (S2 2026: 16.77 juta orang) berikutan permintaan terhadap pekerja yang berterusan.
- Bekalan pekerja kekal menggalakkan dengan kadar penyertaan tenaga kerja meningkat sedikit kepada 71% pada S3 2026 (S2 2026: 70.9%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran rendah


Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Gaji nominal dan gaji benar sektor swasta,
Perubahan Tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Gaji nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend Inflasi

Inflasi keseluruhan kekal stabil, manakala inflasi teras semakin sederhana

- Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.9%, manakala inflasi teras terus menjadi sederhana kepada 1.7%.
- Caj elektrik yang lebih tinggi, mencerminkan kenaikan surcaj Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (Automatic Fuel Adjustment, AFA), diimbangi oleh harga bahan api[1] dan inflasi teras yang lebih rendah. Inflasi teras menurun, antara lain didorong oleh inflasi yang lebih rendah bagi barangan kemas dan jam tangan.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %




[1] Mulai bulan Julai, rakyat Malaysia layak menikmati harga diesel bersubsidi sebanyak RM2.10 seliter hingga 200 liter sebulan menerusi program BUDI Diesel, manakala kebanyakan rakyat Malaysia yang menggunakan RON95 terus membayar harga subsidi sebanyak RM1.99 seliter (hingga 200 liter) menerusi BUDI95. Mulai bulan September, jumlah gabungan kuota bagi BUDI95 dan BUDI Diesel dinaikkan hingga 300 liter sebulan. Sementara itu, harga pasaran purata bagi RON97 pada S3 2026 adalah lebih rendah pada RM4.33 seliter (S2 2026: RM4.73 seliter).
Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rebakan inflasi meningkat pada S3 2026

- Bahagian item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan adalah lebih besar pada suku ketiga, sekali gus menyebabkan rebakan inflasi melebihi purata yang pernah dicatatkan. Walau bagaimanapun, rebakan ini menjadi sederhana dari bulan Julai hingga September.
- Rebakan yang lebih tinggi pada bulan Julai sebahagiannya mencerminkan pergerakan harga bermusim dan bersifat idiosinkratik. Tekanan harga asas kekal sederhana, dengan kenaikan harga bagi kebanyakan barangan masih di bawah norma yang pernah dicatatkan sebelum ini.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan,
Bahagian, %



Nota: Data mulai tahun 2024 mencerminkan penambahan item baharu dalam kumpulan IHP berdasarkan HIES 2022.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport dan import berterusan

Eksport Kasar	**46%** S2 2026: 42.4%	Eksport berkaitan teknologi kukuh merangkumi barangan E&E dan bukan E&E.
Import Kasar	**43.3%** S2 2026: 25.2%	Pertumbuhan barangan perantaraan, modal dan penggunaan menyeluruh.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun semasa terus mencatatkan lebihan dan akaun kewangan beralih kepada aliran masuk

Akaun Semasa
RM5.7 bilion; 1% daripada KDNK
(S2 2026: RM10.8 bilion; 2%)

Lebihan berterusan berikutan
- Lebihan barangan yang lebih tinggi, didorong terutamanya oleh eksport perkilangan berkaitan teknologi.
- Defisit pendapatan sekunder yang lebih kecil berikutan penerimaan pendapatan yang lebih kukuh.

Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh
- Defisit pendapatan primer yang lebih besar berikutan keuntungan yang lebih tinggi dicatatkan oleh syarikat pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI).
- Defisit akaun perkhidmatan yang lebih besar disebabkan oleh import perkhidmatan perniagaan lain yang lebih tinggi, meskipun penerimaan perjalanan dan penerimaan berkaitan ICT lebih kukuh.

Akaun Kewangan
Aliran masuk bersih RM19.8 bilion
(S2 2026: Aliran keluar bersih RM27 bilion)

Aliran masuk bersih dalam
- Pelaburan portfolio, didorong terutamanya oleh pemerolehan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin.
- Pelaburan langsung, disokong oleh aliran masuk FDI bersih yang lebih tinggi, berjumlah RM14.3 bilion.
- Pelaburan lain, didorong terutamanya oleh bayaran balik pinjaman antara bank oleh bank-bank bukan pemastautin kepada bank-bank pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih tinggi

RM1.61 trilion atau 74.4% daripada KDNK
(S2 2026: RM1.51 trilion atau 71.6% daripada KDNK)
- Kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat berkaitan yang lebih tinggi oleh syarikat korporat.
- Penempatan deposit yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata wang

Dalam denominasi ringgit: 30.1%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit.

Dalam denominasi mata wang asing: 69.9%
Yang 48.4% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 20.9% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan, termasuk oleh syarikat multinasional.

Tempoh matang

Jangka sederhana dan panjang: 54.3%
Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**-RM36 bilion** (S2 2026: +RM68.3 bilion)
Rizab Antarabangsa[2]	**USD132.6 bilion** (S2 2026: USD132.6 bilion)


[2] Pada 30 Oktober 2026.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit kekal stabil berbanding mata wang rakan dagangan utama

Prestasi keseluruhan ringgit secara amnya kekal selaras dengan mata wang rakan dagangan utama Malaysia.

Prestasi ringgit berbanding mata wang utama dan serantau terpilih
% sejak awal tahun sehingga kini dan suku tahun ke suku tahun



Nota: *Setakat 16 November 2026. Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Tukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur.
NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal ringgit yang mengukur prestasi ringgit berbanding sekumpulan mata wang rakan dagangan utama Malaysia.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan pasaran kewangan domestik dipengaruhi oleh faktor global dan dalam negeri

Kadar hasil bon yang lebih tinggi
berikutan penetapan semula jangkaan kadar faedah global secara lebih meluas dan peningkatan kadar hasil bon global

Kadar hasil MGS 10 tahun +42 mata asas
(S2 2026: -3 mata asas)

Pasaran ekuiti menurun
didorong oleh aliran keluar asing bersih daripada pasaran domestik

KLCI -0.8% suku tahun ke suku tahun
(S2 2026: -1.6%)

Faktor utama yang mempengaruhi pasaran global dan domestik pada S3 2026

Kadar faedah global yang lebih tinggi susulan kenaikan kadar oleh bank pusat serta jangkaan pengetatan dasar monetari selanjutnya berikutan tekanan inflasi yang berterusan

Penghindaran risiko oleh pelabur global yang meningkat sejajar dengan konflik di Timur Tengah yang kembali memuncak


Asas ekonomi dalam negeri yang positif, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan serta komitmen Kerajaan terhadap pelaksanaan pembaharuan struktur secara berterusan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Electronic Trading Platform (ETP) dan Bursa Malaysia

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank meningkat manakala kadar deposit tetap menurun pada suku tersebut

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %




- **KLIBOR 3 bulan meningkat** sebanyak 8 mata asas pada suku tersebut, mencerminkan permintaan pendanaan yang lebih tinggi oleh bank-bank menjelang akhir suku tersebut.
- **Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) runcit menurun** antara 4 hingga 11 mata asas merentas tempoh suku tersebut, mencerminkan strategi pendanaan bank-bank untuk menguruskan kos dana.
- **Kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) bagi pinjaman terkumpul secara amnya kekal stabil** pada suku tersebut.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan

Mudah tunai ringgit yang ditempatkan di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion




- **Jumlah mudah tunai dalam sistem perbankan meningkat** pada suku tersebut, lantas menyebabkan peningkatan penempatan pasaran wang di BNM.
- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebihan penempatan semalaman di BNM pada akhir bulan September 2026.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit kekal mampan berikutan permintaan pembiayaan perniagaan yang kukuh

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan,
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[4]

6.3%
S2 2026: 6.4%

- Pinjaman terkumpul[5] meningkat sebanyak 6.5% (S2 2026: 6%) disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih tinggi manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal mampan.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul menurun kepada 5.7% (S2 2026: 8.1%) berikutan terbitan bon yang lebih rendah pada suku tersebut.

Pinjaman Perniagaan

8.8%
S2 2026: 7.3%

- Pinjaman perniagaan terkumpul berkembang sebanyak 8.8% (S2 2026: 7.3%) susulan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pinjaman modal kerja mengimbangi pertumbuhan pinjaman berkaitan pelaburan yang lebih perlahan.[6]
- Sementara itu, permintaan pembiayaan baharu dalam kalangan perniagaan meningkat, mencerminkan keperluan modal kerja yang lebih tinggi di samping permintaan yang berterusan bagi pinjaman berkaitan pelaburan.

Pinjaman Isi Rumah

5.3%
S2 2026: 5.3%

- Pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal pada 5.3% (S2 2026: 5.3%) susulan pertumbuhan yang secara amnya stabil merentas kebanyakan tujuan pinjaman.
- Keadaan ini disokong oleh pengeluaran pinjaman yang berterusan serta kadar kelulusan pinjaman yang stabil.

[4] Semua angka yang dinyatakan adalah berdasarkan perubahan tahunan.
[5] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[6] Merangkumi pinjaman bagi pembelian harta bukan kediaman, harta kediaman untuk kegunaan perniagaan, aset tetap serta aktiviti pembinaan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertimbangan Dasar

Sorotan Mesyuarat MPC bulan November 2026

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 2.75% dalam mesyuarat MPC bulan September 2026 dan November 2026.
- MPC akan terus memantau perkembangan keadaan semasa dan menilai implikasinya terhadap imbangan risiko berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan prospek kestabilan harga yang berterusan serta pertumbuhan ekonomi yang mampan

Pada mesyuarat bulan September 2026 dan November 2026, MPC mengekalkan OPR pada 2.75%.

Penunjuk terkini menunjukkan pertumbuhan global yang terus berdaya tahan, disokong oleh pelaburan teknologi global yang kukuh dan pasaran pekerja yang stabil. Inflasi meningkat sedikit susulan kenaikan kos tenaga dan dijangka kekal tinggi berikutan peningkatan kos yang dipindahkan secara berterusan kepada harga pengguna. Pada masa hadapan, meskipun ketidaktentuan berhubung dengan perkembangan geopolitik akan terus mempengaruhi pertumbuhan global dalam keadaan tekanan inflasi yang berterusan, kesannya dijangka diimbangi oleh perbelanjaan berkaitan teknologi yang mampan serta pelarasan yang berterusan terhadap kekangan bekalan. Risiko pertumbuhan global menjadi rendah terus wujud, berpunca daripada ketegangan geopolitik yang berlarutan dan keadaan kewangan global yang lebih ketat susulan pelarasan dasar monetari, kebimbangan tentang penilaian dalam pasaran kewangan serta keadaan fiskal yang mudah terjejas. Potensi pertumbuhan menjadi lebih tinggi pula mungkin disebabkan oleh perbelanjaan teknologi yang lebih kukuh dan pemulihan keadaan rantaian bekalan yang lebih cepat daripada jangkaan.

Bagi ekonomi Malaysia, penunjuk terkini menunjukkan pertumbuhan yang terus kukuh pada suku ketiga tahun 2026. Pertumbuhan disokong oleh prestasi eksport yang kukuh dalam keadaan permintaan dalam negeri yang mampan. Momentum pertumbuhan yang utuh dijangka meningkatkan pertumbuhan pada tahun 2026 melebihi 5%. Pada masa hadapan, asas-asas ekonomi yang mantap dijangka mengekalkan daya tahan pertumbuhan pada tahun 2027. Sektor luaran dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global yang berterusan serta perbelanjaan pelancong yang teguh. Keadaan pasaran pekerja yang stabil dan aktiviti pelaburan yang berterusan akan terus menyokong permintaan dalam negeri, manakala langkah-langkah dalam Belanjawan 2027 akan memberikan sokongan tambahan kepada penggunaan swasta. Prospek pertumbuhan ini terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi rendah yang berpunca daripada konflik di Timur Tengah yang berlarutan dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah. Potensi pertumbuhan menjadi lebih tinggi pula disebabkan oleh pertumbuhan global yang lebih baik daripada jangkaan, permintaan terhadap eksport berkaitan teknologi yang lebih kukuh serta aktiviti pelancongan yang lebih giat.

Pertimbangan Dasar

Sejak awal tahun sehingga kini, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata pada 1.8% dan 1.9%. Menjelang tahun 2027, perkembangan geopolitik, harga komoditi global yang tinggi dan keadaan cuaca buruk dijangka memberikan tekanan menaik terhadap inflasi. Kesannya, inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka meningkat sedikit meskipun kekal terkawal berikutan langkah-langkah dasar dalam negeri yang berterusan dan keadaan permintaan yang stabil. MPC akan terus memantau keadaan tekanan kos dan permintaan dalam negeri memandangkan kesan kedua-dua faktor ini terhadap prospek inflasi.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpendapat bahawa pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan prospek kestabilan harga yang berterusan serta pertumbuhan ekonomi yang mampan. MPC akan terus memantau perkembangan keadaan semasa dan menilai implikasinya terhadap imbangan risiko berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Tinjauan Ekonomi Global

Prospek pertumbuhan global dijangka kekal berdaya tahan untuk baki tahun 2026 sebelum bertambah baik pada tahun 2027

Ekonomi global:

- Pertumbuhan global diunjurkan kekal berdaya tahan untuk baki tahun 2026 meskipun wujud ketidakpastian berhubung dengan konflik Timur Tengah dan tekanan inflasi yang lebih tinggi yang akan menjejaskan pertumbuhan.
- Pada masa hadapan, kelembapan ini akan ditampung oleh pengembangan teknologi global yang kukuh, penyesuaian yang berterusan terhadap gangguan bekalan dan sokongan dasar.
- Pertumbuhan global dijangka bertambah baik pada tahun 2027, disokong oleh pelaburan berkaitan AI yang berterusan dan pemulihan dalam pasaran tenaga global.

Perdagangan global:

- Pertumbuhan perdagangan global diunjurkan kekal menggalakkan untuk baki tahun 2026, disokong oleh permintaan berkaitan teknologi yang kukuh terutamanya terhadap komponen berkaitan AI.
- Penyesuaian berterusan terhadap gangguan bekalan dijangka menyokong aliran perdagangan, meskipun konflik Timur Tengah terus tidak menentu.
- Bagi tahun 2027, pertumbuhan perdagangan global akan kekal disokong oleh permintaan berkaitan teknologi yang berterusan dan corak perdagangan yang sedang berubah.

Imbangan risiko pertumbuhan global kekal cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan

- **Imbangan risiko kekal cenderung untuk pertumbuhan menjadi lebih perlahan,** mencerminkan terutamanya ketidakpastian yang berterusan berhubung dengan konflik di Timur Tengah.
- **Risiko pertumbuhan menjadi perlahan** juga mungkin berpunca daripada keadaan kewangan global yang lebih ketat disebabkan oleh dasar monetari yang lebih ketat, kebimbangan berhubung dengan penilaian dalam pasaran kewangan serta keadaan fiskal yang mudah terjejas.
- **Potensi pertumbuhan menjadi pesat** boleh berpunca daripada pemulihan keadaan rantaian bekalan yang lebih cepat daripada jangkaan dan perbelanjaan teknologi yang lebih kukuh.

Tinjauan Ekonomi Dalam Negeri

Pertumbuhan akan didorong oleh eksport yang kukuh dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan

- Pertumbuhan tahun 2026 dijangka melebihi 5% berikutan momentum pertumbuhan yang kukuh pada tiga suku pertama tahun tersebut. Pada tahun 2027, pertumbuhan dijangka berkembang dalam julat 4.2% hingga 5.2%.
- Pertumbuhan eksport akan terus disokong oleh permintaan kukuh terhadap produk berkaitan teknologi berikutan peningkatan kitaran teknologi global yang dipacu AI serta prospek pendapatan perjalanan yang memberangsangkan.
- Perbelanjaan isi rumah dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, pertumbuhan gaji yang stabil dan sokongan dasar yang berterusan.
- Pengembangan aktiviti pelaburan akan didorong oleh kemajuan projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan sektor awam serta pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan.
- Langkah-langkah Belanjawan 2027 akan memberikan dorongan selanjutnya kepada kegiatan ekonomi pada tahun 2027 menerusi langkah-langkah dasar yang menyokong pendapatan isi rumah termasuk pindahan wang tunai, pengurangan kadar cukai pendapatan dan pelarasan gaji minimum, seiring dengan peruntukan pendanaan yang lebih tinggi kepada sektor strategik.


Asas-asas dalam negeri terus menyokong daya tahan ekonomi dalam menghadapi kejutan luaran

- **Ekonomi dalam negeri terus disokong oleh asas-asas yang berdaya tahan.** Walau bagaimanapun, prospek ini tertakluk pada ketidakpastian yang berpunca terutamanya daripada perkembangan global yang ketara.
- **Risiko prospek pertumbuhan menjadi perlahan** termasuk konflik Timur Tengah yang berlarutan dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah.
- **Potensi prospek pertumbuhan menjadi pesat** mungkin timbul daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik daripada jangkaan, permintaan yang lebih kukuh untuk eksport berkaitan teknologi dan aktiviti pelancongan yang lebih giat.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Perbelanjaan isi rumah akan didorong oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil serta langkah dasar yang berterusan

Upah agregat nominal[7] dan guna tenaga
Perubahan tahunan, %




- **Penggunaan swasta dijangka berkembang,** disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan langkah-langkah dasar.
- Pertumbuhan pendapatan akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan langkah-langkah dasar peningkatan pendapatan termasuk gaji minimum yang lebih tinggi serta pelarasan gaji minimum bagi pekerja separa mahir dan lepasan ijazah.
- Selain itu, pindahan wang tunai yang lebih tinggi menerusi inisiatif Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) akan meningkatkan perbelanjaan isi rumah.
- Subsidi BUDI95 juga akan membantu mengehadkan tekanan daripada harga minyak yang lebih tinggi terhadap perbelanjaan isi rumah.

[7] Merujuk upah sektor swasta dan awam. Gaji sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Statistik Pembuatan Bulanan dan Statistik Perkhidmatan Suku Tahunan. Upah sektor awam pula merujuk gaji yang dibayar kepada penjawat awam.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti pelaburan kekal menggalakkan, disokong oleh aliran projek baharu yang stabil merentas sektor

Kelulusan Pelaburan oleh MIDA Mengikut Sektor
RM bilion




- **Aktiviti pelaburan kekal menggalakkan,** dengan kelulusan pelaburan dicatatkan lebih tinggi dari bulan Jan-Sep 2026 iaitu sebanyak RM350.4 bilion, berbanding RM290.3 bilion pada tempoh yang sama tahun 2025. Sebanyak 87.4% projek perkilangan yang diluluskan antara tahun 2021 hingga bulan September 2026 kini dalam pelbagai fasa pelaksanaan.
- Perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai sumber utama projek baharu dengan sebahagian besarnya tertumpu dalam subsektor berteknologi tinggi seperti ICT, E&E dan produk petroleum. Dalam subsektor ICT, pelaburan pusat data dan pengkomputeran awan kekal sebagai penyumbang utama yang mencakupi hampir 35.2% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada bulan Jan-Sep 2026.
- Sementara itu, sektor perkilangan terus diterajui oleh pelaburan dalam E&E serta bahan petroleum, seiring dengan pertumbuhan kukuh dalam pelaburan M&E dan perkilangan makanan.

Sumber: MIDA

Keadaan Permintaan Luaran

Prospek eksport barangan akan kekal kukuh didorong oleh permintaan teknologi global dan pelaburan AI

Pertumbuhan eksport kasar
Perubahan tahunan dan sumbangan kepada pertumbuhan, % dan mata peratusan




- **Eksport E&E dijangka terus disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global** dan pelaburan berterusan dalam aktiviti berkaitan AI.
- Eksport perkilangan bukan E&E diunjurkan akan mendapat manfaat daripada permintaan berkaitan teknologi yang berterusan, manakala eksport berkaitan komoditi berkemungkinan disokong oleh harga komoditi yang menggalakkan.
- Walau bagaimanapun, eksport berkaitan teknologi masih terdedah kepada risiko eksport menjadi perlahan yang berpunca daripada volatiliti kewangan yang menjejaskan pelaburan berkaitan AI, sekiranya pulangan yang diharapkan tidak memenuhi jangkaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport perkhidmatan dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh kepelbagaian asas eksport

Pertumbuhan pendapatan perkhidmatan[8]
Perubahan tahunan dan sumbangan kepada pertumbuhan, % dan mata peratusan



- **Prospek pendapatan perjalanan terus menggalakkan,** disokong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi setiap pelancong dan peningkatan ketibaan pelancong daripada pasaran sumber utama. Walau bagaimanapun, situasi geopolitik yang kembali tegang boleh menimbulkan risiko kepada aktiviti perjalanan global dan permintaan pelancongan.
- **Pertumbuhan dalam perkhidmatan lain termasuk eksport perkhidmatan ICT dijangka disokong oleh limpahan** daripada aktiviti berkaitan pusat data meskipun pertumbuhannya dijangka kekal sederhana.

[8] Perkhidmatan berkaitan pelancongan merangkumi perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan. Perkhidmatan perkilangan termasuk perkhidmatan berhubung dengan input fizikal yang dimiliki oleh pihak lain serta perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan. Perkhidmatan lain merangkumi perkhidmatan perniagaan lain serta perkhidmatan peribadi, kebudayaan, rekreasi, insurans dan kewangan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Tinjauan Inflasi

Inflasi dijangka meningkat namun kekal terkawal bagi tahun 2026 dan 2027

- Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal sederhana bagi baki tahun 2026. Berdasarkan Tinjauan Ekonomi 2027 oleh Kementerian Kewangan, inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 1.5% hingga 2.5% pada tahun 2026, selaras dengan jangkaan terdahulu.
- Inflasi keseluruhan dijangka naik secara beransur-ansur menjelang akhir tahun, sebahagiannya mencerminkan kesan pindahan tertunda daripada kos input yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kesan terhadap inflasi dalam negeri dijangka dikurangkan oleh langkah-langkah dasar termasuk subsidi bahan api bersasar, seiring dengan keadaan permintaan yang stabil dan langkah penyesuaian yang berterusan oleh syarikat untuk menguruskan tekanan kos.
- Melangkah ke tahun 2027, inflasi dijangka lebih tinggi pada awal tahun, mencerminkan kesan lanjutan, pindahan kos yang tertunda dan tekanan asas harga perkhidmatan.[1] Walaupun langkah-langkah dasar yang akan dilaksanakan bagi menyokong permintaan dalam negeri[2] serta keadaan cuaca buruk boleh menyumbang kepada tekanan harga, kesan terhadap inflasi dijangka kekal terkawal dalam keadaan tekanan inflasi asas yang sederhana.

[1] Berdasarkan Tinjauan Ekonomi 2027 oleh Kementerian Kewangan, inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 1.8% hingga 2.8% pada tahun 2027.
[2] Sebagai contoh, pelarasan gaji minimum pada bulan Jun 2027.

Risiko terhadap prospek inflasi sebahagian besarnya kekal bergantung pada perkembangan luaran yang berubah-ubah

- Imbangan risiko terhadap prospek inflasi kekal cenderung ke arah inflasi yang lebih tinggi, bergantung terutamanya pada perkembangan berhubung dengan konflik di Timur Tengah.
  - **Risiko inflasi yang lebih tinggi** boleh berpunca daripada kenaikan harga komoditi berikutan keadaan geopolitik yang kembali tegang serta tekanan bekalan global yang lebih meluas, termasuk akibat gangguan berkaitan cuaca. Kemungkinan episod El Niño yang lebih buruk boleh menimbulkan risiko yang lebih tinggi pada pengeluaran makanan tempatan dan serantau serta menyumbang kepada harga yang lebih tinggi, terutamanya untuk makanan segar. Walau bagaimanapun, tahap kesiapsiagaan yang lebih baik dan langkah-langkah mitigasi boleh membantu menampung kesan keseluruhan terhadap harga pengguna. Sementara itu, kemungkinan pelarasan harga yang ditadbir, caj utiliti dan subsidi juga boleh mempengaruhi inflasi.
  - **Risiko inflasi yang lebih rendah** boleh disebabkan oleh pertumbuhan global dan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan daripada jangkaan yang boleh mengurangkan permintaan dalam negeri. Penurunan harga minyak dan makanan global yang lebih pantas bersama-sama dengan keadaan bekalan yang bertambah baik juga boleh mengurangkan tekanan kos luaran.

Rencana

Menggalakkan Aliran Pelaburan Dua Hala Melalui Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (QRI)

Ringkasan

- **Stok pelaburan Malaysia di luar negara telah berkembang dengan ketara, dengan pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad,* DIA) meningkat lebih lapan kali ganda daripada RM94 bilion pada tahun 2005 kepada RM778 bilion pada tahun 2025.** Walau bagaimanapun, secara purata, hanya kira-kira separuh daripada pendapatan pelaburan yang diterima di luar negara telah dibawa balik sejak tahun 2015, sekali gus mengehadkan manfaatnya kepada ekonomi dalam negeri.

- **Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (Qualified Resident Investor, QRI) menggalakkan penghantaran balik dan penukaran pendapatan luar negara yang lebih sistematik, di samping mengekalkan fleksibiliti untuk melabur semula di luar negara.** Pendapatan pelaburan yang dibawa balik meningkat sebanyak 36% antara tahun 2023 hingga 2025, dengan aliran masuk QRI melebihi USD2.5 bilion (bersamaan dengan RM10.2 bilion) setakat separuh pertama tahun 2026 (ST1 2026).

- **Dengan menyokong aliran dua hala yang lebih seimbang, QRI memperkukuh mudah tunai domestik, kedalaman pasaran pertukaran asing (*foreign exchange,* FX) dan daya tahan sektor luaran.** Rencana ini menghuraikan rasional, pelaksanaan dan pencapaian awal program tersebut.

Memanfaatkan Pertumbuhan Aset Luaran Malaysia untuk Manfaat Dalam Negeri yang Lebih Besar

Sepanjang tempoh dua dekad yang lalu, syarikat korporat Malaysia telah memperluas operasi mereka pada peringkat antarabangsa dengan ketara. Seiring dengan kematangan perniagaan dan integrasi serantau yang semakin mendalam, syarikat tempatan semakin giat melabur di luar negara untuk meneroka pasaran baharu, mendapatkan sumber strategik, mempelbagaikan sumber pendapatan serta mengukuhkan kedudukan dalam rantaian nilai serantau dan global. Perkembangan ini turut disokong oleh rangka kerja dasar pertukaran asing (*foreign exchange policy*, FEP) yang kondusif dan diliberalisasikan secara berperingkat[1].

[1] Sejak tahun 2007, dasar pertukaran asing diliberalisasikan secara berperingkat. Antara langkah yang diperkenalkan termasuk membenarkan syarikat korporat tempatan melabur di luar negara atau mendapatkan pinjaman dalam mata wang asing daripada bank tempatan berlesen di Malaysia bagi tujuan DIA.

[2] Angka 5.2% mewakili kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compound annual growh rate,* CAGR) bagi kadar hasil pendapatan DIA antara tahun 2005 hingga 2025, yang mencerminkan kadar pulangan tahunan sepanjang tempoh 20 tahun.

Syarikat korporat Malaysia telah membina stok aset luaran yang besar. Stok DIA berkembang pesat daripada RM94.4 bilion pada tahun 2005 kepada RM778.4 bilion pada tahun 2025, dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 11%. Peningkatan aset luar negara ini turut menjana pulangan yang positif, dengan purata pulangan sebanyak 5.2%[2] antara tahun 2005 hingga 2025. DIA tertumpu pada sektor yang mempunyai kelebihan daya saing, termasuk sektor perkhidmatan kewangan, perlombongan, pertanian serta perkhidmatan maklumat dan komunikasi. Trend ini membolehkan perniagaan Malaysia berkembang ke peringkat antarabangsa dan menyokong daya saing jangka panjang syarikat korporat. Gambar Rajah 1 merumuskan faktor-faktor utama yang mendorong pelaburan syarikat Malaysia di luar negara serta hubung kait antara faktor tersebut dengan pengalaman Malaysia berkaitan DIA.

Gambar Rajah 1: Sebab Syarikat Malaysia Melabur di Luar Negara – Perspektif OLI



Nota: OLI merujuk kelebihan pemilikan (*ownership*), lokasi (*location*) dan pengantarabangsaan (*internationalisation*) berdasarkan paradigma eklektik Dunning. Paradigma tersebut disesuaikan dalam konteks ini untuk merumuskan faktor utama yang mendorong pelaburan ke luar negara yang berkaitan dengan pengalaman Malaysia berkaitan DIA.

Rencana


Menggalakkan Aliran Pelaburan Dua Hala Melalui Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (QRI)

Walau bagaimanapun, manfaat ekonomi daripada pelaburan di luar negara bukan semata-mata ditentukan oleh skala pelaburan tersebut. Manfaat tersebut turut bergantung pada jumlah pendapatan yang dibawa pulang dan disalurkan kembali kepada ekonomi dalam negeri. Antara tahun 2015 hingga separuh pertama tahun 2026, pelaburan di luar negara telah menjana pendapatan berjumlah RM387 bilion, iaitu secara puratanya, hanya sekitar 46% daripada pendapatan pelaburan tersebut dibawa balik. Angka ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada pendapatan pelaburan tersebut dikekalkan di luar negara.

Pengekalan pendapatan di luar negara oleh syarikat korporat lazimnya didorong oleh keperluan komersial dan operasi. Subsidiari luar negara sering memerlukan pembiayaan untuk keperluan pengembangan perniagaan, pembangunan projek, pembayaran balik hutang dan modal kerja. Pendapatan juga mungkin dikekalkan di luar negara untuk menyokong pemerolehan pada masa hadapan atau merebut peluang pelaburan semula dalam pasaran asing.

Walau bagaimanapun, penghantaran balik pendapatan secara lebih kerap dapat meningkatkan manfaat pada ekonomi dalam negeri daripada pertumbuhan aset luaran Malaysia. Penghantaran balik pendapatan luar negara menawarkan saluran segera untuk menyokong mudah tunai domestik, pelaburan dan daya tahan sektor luaran. Pada masa yang sama, syarikat korporat boleh menggunakan pendapatan yang dibawa balik untuk membiayai perbelanjaan modal dalam negeri, pembayaran dividen, pembayaran balik hutang dan modal kerja. Secara keseluruhannya, semua saluran ini mengukuhkan rasional untuk menggalakkan penghantaran balik pendapatan luar negara yang lebih kerap dan berterusan.


Gambar Rajah 2: Stok DIA, Pendapatan dan Nisbah Penghantaran Balik Pendapatan DIA Malaysia, 2015–ST1 2026



Inti pati utama: Stok aset luaran yang terus berkembang masih menjana pulangan positif. Walau bagaimanapun, kadar penghantaran balik pendapatan kekal sederhana dan menunjukkan masih terdapat ruang untuk meningkatkan penghantaran pulangan tersebut ke dalam ekonomi dalam negeri.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Manfaat Penghantaran Balik Pendapatan DIA Secara Berkala



Rencana

Menggalakkan Aliran Pelaburan Dua Hala Melalui Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (QRI)

QRI: Menggalakkan Penghantaran Balik dan Penukaran Pendapatan sambil Mengekalkan Fleksibiliti Pelaburan

Menyedari kepentingan aliran modal dua hala yang seimbang dalam menyokong keadaan pasaran FX yang teratur, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan program QRI. Program QRI menyediakan rangka kerja yang praktikal bagi membantu syarikat korporat tempatan merealisasikan objektif dasar untuk menggalakkan penghantaran balik pendapatan secara lebih kerap. Program ini dirangka untuk menggalakkan syarikat korporat tempatan yang memiliki operasi luar negara yang besar untuk menjadikan amalan penghantaran balik pendapatan sebagai sebahagian daripada pengurusan perbendaharaan dan mudah tunai syarikat. Perlu ditekankan bahawa QRI tidak menyekat pelaburan di luar negara. Sebaliknya, program ini menyediakan mekanisme yang tersusun bagi membolehkan syarikat menghantar balik pendapatan luar negara dan menukarkannya kepada ringgit, di samping mengekalkan fleksibiliti untuk melaburkan semula dana tersebut di luar negara pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan pelaburan sebenar.

Program ini mula diperkenalkan sebagai program rintis pada tahun 2024. Maklum balas daripada syarikat korporat yang mengambil bahagian telah memberikan maklumat bernilai mengenai keperluan operasi dan cabaran pelaksanaan, sekali gus membolehkan penambahbaikan dibuat terhadap rangka kerja tersebut sebelum pelaksanaannya diperluas pada bulan Jun 2025. Program QRI kini berkuat kuasa hingga 30 Jun 2028.

Ciri utama program ini ialah gabungan antara perancangan penghantaran balik yang berstruktur dengan fleksibiliti operasi. Seperti yang dirumuskan dalam Gambar Rajah 4, mekanisme QRI menghubungkan penjanaan pendapatan di luar negara dengan penghantaran balik dana, penukaran kepada ringgit dan pertukaran semula kepada mata wang asing yang layak secara terancang.

Reka bentuk program ini mengambil kira situasi sebenar syarikat multinasional moden dalam menguruskan keperluan pembiayaan merentasi pelbagai bidang kuasa dan kitaran perniagaan. Program ini juga menyokong aliran masuk pendapatan pelaburan yang lebih mudah dijangka, meningkatkan mudah tunai pasaran FX tempatan dan pada masa yang sama mengekalkan fleksibiliti untuk memenuhi keperluan pelaburan luar negara sebenar.

Gambar Rajah 4: Ringkasan Mekanisme QRI



Kelebihan utama rangka kerja ini ialah keupayaan untuk menyelaraskan objektif dasar dengan keadaan komersial sebenar. Melalui mekanisme yang jelas dan boleh dijangka bagi penghantaran balik pendapatan serta pelaburan semula yang dibenarkan di luar negara, QRI menggalakkan perubahan dalam amalan syarikat tanpa mengenakan sekatan yang berlebihan terhadap keputusan pelaburan syarikat [3].

[3] Sebelum ini, pendapatan yang dibawa balik dan ditukarkan kepada ringgit tertakluk pada paras ambang kehematan semasa di bawah dasar pertukaran asing, sekiranya pendapatan tersebut digunakan semula untuk pelaburan di luar negara. Menerusi program QRI, keperluan untuk mendapatkan kelulusan tersebut telah dimansuhkan, sekali gus meringankan beban pentadbiran bagi syarikat korporat berstatus QRI.

Rencana

Menggalakkan Aliran Pelaburan Dua Hala Melalui Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (QRI)

Gambar Rajah 5: Pencapaian Utama Program QRI



Pencapaian Awal Menunjukkan Momentum Penghantaran Balik Pendapatan Lebih Kukuh

Pencapaian awal QRI adalah menggalakkan. Penghantaran balik pendapatan oleh syarikat korporat Malaysia telah meningkat sebanyak 36% atau RM4.8 bilion antara tahun 2023 hingga 2025, manakala aliran masuk terkumpul menerusi QRI telah melebihi USD2.5 bilion (bersamaan dengan RM10.2 bilion) setakat separuh pertama tahun 2026. Peningkatan ini berlaku meskipun stok DIA berkurang pada tahun 2025. Hal ini menandakan bahawa aliran masuk yang lebih tinggi mungkin didorong oleh aktiviti penghantaran balik yang lebih aktif, dan bukan sekadar disebabkan oleh peningkatan stok aset luaran.

Syarikat korporat juga mula menyepadukan penghantaran balik, penukaran kepada ringgit dan potensi penukaran semula kepada mata wang asing dalam perancangan perbendaharaan dan pelaburan jangka sederhana syarikat. Perkembangan ini merupakan penunjuk awal yang penting, bahawa penghantaran balik pendapatan semakin beralih daripada keputusan yang dibuat secara ad hoc kepada sebahagian daripada pengurusan dana syarikat yang lebih terancang.

Walau bagaimanapun, peningkatan aliran masuk ini perlu dilihat bersama-sama faktor syarikat dan pasaran yang lebih menyeluruh. Keputusan untuk membawa balik pendapatan masih dipengaruhi oleh keperluan pembiayaan, rancangan pelaburan, jangkaan kadar pertukaran dan perkembangan luaran. Prestasi ringgit yang bertambah baik serta mudah tunai pasaran pertukaran asing domestik yang lebih kukuh beberapa tahun kebelakangan ini berkemungkinan menyokong pelaksanaan program QRI dengan mengurangkan ketidakpastian berkaitan penukaran pendapatan mata wang asing kepada ringgit. Hal ini juga merupakan sebahagian daripada usaha penyelarasan yang lebih menyeluruh oleh BNM untuk menggalakkan penghantaran balik dan penukaran hasil pendapatan luar negeri bagi meningkatkan lagi mudah tunai pasaran pertukaran asing domestik.

Secara keseluruhan, pencapaian awal ini memberikan isyarat bahawa QRI telah membantu mewujudkan saluran yang lebih tersusun dan kukuh untuk menghantar balik pendapatan luar negara kepada ekonomi dalam negeri. Momentum ini dapat dikekalkan melalui penyertaan berterusan oleh syarikat korporat, keadaan pasaran yang kondusif serta penerapan amalan penghantaran balik pendapatan yang lebih mendalam dalam pengurusan dana syarikat.

Menggalakkan Aliran Pelaburan Dua Hala Melalui Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (QRI)

Kesimpulan

Program QRI bukan sekadar satu inisiatif penghantaran balik pendapatan. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha yang lebih menyeluruh untuk mengukuhkan lagi hubungan antara pertumbuhan aset luaran Malaysia dengan ekonomi dalam negeri.

Seiring dengan pengembangan operasi syarikat korporat Malaysia pada peringkat antarabangsa, pelaburan di luar negara akan terus menjadi sumber penting bagi pertumbuhan, kepelbagaian dan daya saing jangka panjang. QRI membantu memastikan sebahagian daripada pulangan luar negara tersebut disalurkan kembali kepada ekonomi Malaysia secara berterusan, sekali gus memperkukuh mudah tunai domestik, kedalaman pasaran pertukaran asing dan daya tahan sektor luaran.

Pada masa hadapan, QRI berpotensi menjadi program yang praktikal dan berkesan untuk mengekalkan momentum penghantaran balik pendapatan serta menyokong aliran modal dua hala yang lebih seimbang. Sejajar dengan pencapaian positif program ini sepanjang pelaksanaannya, BNM akan meneroka penambahbaikan lanjut terhadap program QRI, termasuk memperluas fleksibiliti dasar pertukaran asing bagi syarikat korporat tempatan yang layak, di samping mengekalkan insentif bagi penghantaran balik dana mata wang asing.

Penambahbaikan selanjutnya dapat memperkukuh galakan ke arah penghantaran balik pendapatan secara berkala, meningkatkan penyertaan syarikat korporat serta menyokong aliran masuk pendapatan pelaburan yang lebih mudah dijangka. Dalam jangka panjang, QRI berpotensi untuk berfungsi bukan sahaja sebagai instrumen penghantaran balik pendapatan, tetapi juga sebagai rangka kerja yang kukuh untuk menyokong pengembangan operasi syarikat pada peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama, QRI juga dapat membantu memperkukuh daya tahan makrokewangan Malaysia secara lebih menyeluruh.

Rujukan

Bank Negara Malaysia. 2017. “Penilaian Kritis Pelaburan Langsung Luar Negeri (DIA) dan Pelaburan Langsung Asing (FDI)”. Dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017.

Dunning, J.H. 2001. ‘The Eclectic (OLI) Paradigm of International Production: Past, Present and Future.’ International Journal of the Economics of Business, 8(2), 173–190.

Jawatankuasa Pasaran Kewangan. 2024. “Pernyataan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan tentang Pasaran Pertukaran Asing Ringgit”. 1 Mac dan 20 November.

Bank Negara Malaysia. 2025. ‘Flexibilities for Qualified Resident Investor (QRI) Programme’. Financial Markets Investor Portal (FMIP).

ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO). 2026. AMRO Annual Consultation Report: Malaysia – 2026

Jadual 1: **KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2025 (%)	2025					2026		
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan, %							
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	96.0	5.6	6.8	6.2	6.6	6.3	5.2	5.1	4.8
Sektor Swasta	77.5	5.8	6.7	6.2	6.3	6.2	5.4	4.6	5.5
Penggunaan	60.3	4.8	5.1	5.8	5.6	5.3	4.7	4.8	4.3
Pelaburan	17.2	9.1	11.7	7.4	9.2	9.4	7.8	4.3	9.4
Sektor Awam	18.3	4.9	7.5	6.2	7.5	6.6	4.4	7.3	1.6
Penggunaan	13.3	2.7	5.7	5.8	6.6	5.3	4.1	7.6	1.2
Pelaburan	5.1	11.6	13.5	7.5	9.5	10.3	5.3	6.3	3.0
Eksport Bersih	3.3	-7.9	-58.3	32.2	-32.9	-15.6	13.5	168.5	5.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	68.1	4.3	4.5	4.6	6.3	4.9	5.2	17.0	25.2
Import Barangan dan Perkhidmatan	64.8	5.2	7.9	3.0	9.0	6.3	4.6	13.9	26.7
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**4.4**	**4.6**	**5.3**	**6.2**	**5.2**	**5.4**	**6.0**	**5.5**
KDNK, perubahan suku tahunan, terlaras secara bermusim %	**-**	0.9	1.9	2.0	1.4	-	-0.03	2.5	1.5

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: **KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2025 (%)	2025					2026		
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan, %							
Perkhidmatan	59.5	5.1	5.1	5.3	6.2	5.4	5.6	5.9	5.8
Perkilangan	23.0	4.2	3.7	4.1	6.0	4.5	5.9	7.3	7.7
Pertanian	6.1	0.7	2.5	0.2	5.7	2.2	2.6	-3.6	1.4
Perlombongan	5.7	-2.6	-5.2	9.4	1.4	0.6	-2.1	9.2	-6.1
Pembinaan	4.3	14.2	12.1	11.7	10.9	12.2	7.7	6.5	5.9
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**4.4**	**4.6**	**5.3**	**6.2**	**5.2**	**5.4**	**6.0**	**5.5**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: **Imbangan Pembayaran**[1]

	2025[d]					2026[a]		
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
	RM bilion							
Akaun semasa	**13.8**	**2.7**	**13.5**	**2.7**	**32.8**	**15.2**	**10.8**	**5.7**
% daripada KDNK	*2.9*	*0.6*	*2.6*	*0.5*	*1.6*	*3.0*	*2.0*	*1.0*
Barangan	32.9	16.0	32.3	24.3	105.4	33.6	40.7	56.2
Perkhidmatan	-2.2	-0.5	2.7	5.3	5.3	6.4	-0.7	-6.9
Pendapatan primer	-15.4	-9.5	-19.3	-23.1	-67.3	-20.9	-27.2	-41.8
Pendapatan sekunder	-1.5	-3.2	-2.2	-3.7	-10.6	-4.0	-2.1	-1.9
Akaun kewangan	**-14.1**	**-1.7**	**-9.5**	**9.4**	**-16.0**	**27.4**	**-27.0**	**19.8**
Pelaburan langsung	16.5	5.9	8.6	22.5	53.5	14.7	0.4	6.7
Aset	-16.3	-7.9	-4.0	-11.0	-39.2	-17.7	-51.5	-7.1
Liabiliti	32.8	13.9	12.5	33.5	92.7	32.5	51.9	13.7
Pelaburan portfolio	-45.1	15.6	-28.1	-1.9	-59.4	9.1	-35.2	2.7
Aset	-34.4	-22.6	-13.6	-15.9	-86.5	1.3	-33.3	-12.1
Liabiliti	-10.7	38.2	-14.6	14.0	27.0	7.8	-1.8	14.8
Derivatif kewangan	-1.7	1.3	-0.8	1.5	0.2	0.8	-1.3	-1.6
Pelaburan lain	16.2	-24.6	10.8	-12.8	-10.3	2.7	9.0	11.9
Kesilapan dan ketinggalan bersih	**3.3**	**0.01**	**-0.6**	**-11.0**	**-8.3**	**-26.2**	**33.2**	**-20.3**
Imbangan keseluruhan	**3.1**	**1.0**	**3.1**	**1.2**	**8.4**	**16.4**	**17.0**	**4.7**

[d] Disemak
[a] Awalan
Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4: **Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2025[d]	2026[a]	
	Akhir September	Akhir Jun	Akhir September
	RM bilion		
Jumlah Hutang Luar Negeri	**1,383.5**	**1,509.7**	**1,613.8**
Bersamaan USD bilion	*328.3*	*372.7*	*395.6*
Mengikut Instrumen			
Bon dan nota	156.8	149.0	155.3
Peminjaman antara bank	237.7	264.7	269.6
Pinjaman antara syarikat berkaitan	231.4	267.3	296.7
Pinjaman	97.8	103.5	102.9
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	285.9	309.6	318.0
Deposit bukan pemastautin	147.1	166.7	176.2
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	27.9	26.5	26.8
Lain-lain[1]	198.9	222.4	268.3
Profil Tempoh Matang			
Jangka sederhana dan panjang	788.1	840.8	875.7
Jangka pendek	595.3	668.9	738.1
Denominasi Mata Wang			
Ringgit	445.8	474.8	486.3
Asing	937.6	1,034.9	1,127.5
Jumlah Hutang Luar Negeri/KDNK, %	**69.4**	**71.6**	**74.4**
Hutang Luar Negeri Jangka Pendek/Jumlah Hutang Luar Negeri, %	**43.0**	**44.3**	**45.7**

[d] Disemak
[a] Awalan
[1] Merangkumi kredit perdagangan dan pelbagai.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: **Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan**

	2025	2026		2025	2026	
	S3	S2	S3	S3	S2	S3
	Akhir tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	2,989.0	3,127.8	3,178.5	5.9	6.4	6.3
Bon korporat terkumpul[2]	625.0	654.8	660.6	7.3	8.1	5.7
Pinjaman terkumpul[3,4]	2,364.1	2,473.1	2,517.9	5.6	6.0	6.5
Perniagaan	837.0	886.9	910.4	5.3	7.3	8.8
PKS	428.7	444.4	449.8	6.1	5.0	4.9
Bukan PKS	405.4	439.1	457.4	4.6	9.7	12.8
Isi rumah	1,527.1	1,586.2	1,607.5	5.7	5.3	5.3
Kredit kepada perniagaan[5]	1,462.0	1,541.7	1,570.9	6.2	7.6	7.5

[1] Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
[2] Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
[3] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[4] Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
[5] Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: **Penunjuk Pinjaman**[1]

	2025	2026		2025	2026	
	S3	S2	S3	S3	S2	S3
	Dalam tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]						
Permohonan pinjaman	433.1	467.9	487.2	0.8	12.8	12.5
Kelulusan pinjaman	221.7	240.5	272.7	-1.1	13.7	23.0
Pengeluaran pinjaman	518.6	541.4	576.7	0.7	6.3	11.2
Bayaran balik pinjaman	499.1	518.5	542.2	0.0	6.2	8.6
Antaranya:						
Perniagaan[3]						
Permohonan pinjaman	175.5	211.9	217.7	-3.4	23.0	24.0
Kelulusan pinjaman	105.4	126.3	156.3	-5.3	24.1	48.2
Pengeluaran pinjaman	375.7	399.1	425.2	1.2	7.0	13.2
Bayaran balik pinjaman	360.3	379.1	395.8	-0.8	6.9	9.8
PKS						
Permohonan pinjaman	94.1	95.5	96.2	-4.7	3.5	2.2
Kelulusan pinjaman	51.9	52.0	53.1	0.9	13.2	2.5
Pengeluaran pinjaman	141.7	140.2	144.1	2.0	2.2	1.7
Bayaran balik pinjaman	135.4	129.1	134.2	0.2	-0.1	-0.8
Bukan PKS						
Permohonan pinjaman	81.4	116.3	121.5	-1.9	45.5	49.1
Kelulusan pinjaman	53.6	74.3	103.1	-10.6	33.2	92.5
Pengeluaran pinjaman	232.0	257.1	278.7	0.3	9.6	20.2
Bayaran balik pinjaman	223.2	249.3	260.0	-1.5	11.2	16.5
Isi Rumah						
Permohonan pinjaman	257.6	256.0	269.5	4.0	5.5	4.6
Kelulusan pinjaman	116.2	114.2	116.4	3.2	4.0	0.1
Pengeluaran pinjaman	143.0	142.3	151.5	-0.3	4.3	5.9
Bayaran balik pinjaman	138.7	139.3	146.4	2.3	4.2	5.5

[1] Pinjaman bagi semua segmen termasuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[3] Angka-angka pinjaman bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi angka pinjaman perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat yang turut dikira.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama**

	2025	2026	
	S3	S2	S3[a]
	% (atau dinyatakan sebaliknya)		
Sistem Perbankan			
Kecukupan Modal			
Nisbah jumlah modal	18.0	18.0	17.1
Nisbah modal Kumpulan 1	14.7	15.0	14.1
Nisbah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.2	14.5	13.5
Keuntungan[1]			
Pulangan atas aset (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	1.4	1.3	1.4
Pulangan atas ekuiti (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	12.8	11.6	12.7
Pulangan atas ekuiti (berasaskan keuntungan selepas cukai)	9.8	8.9	10.0
Keuntungan sebelum cukai (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)	39.6	24.9	40.6
Antaranya:			
Pendapatan faedah bersih	48.4	33.0	49.8
Pendapatan fi	10.3	7.3	11.0
Pendapatan perdagangan dan pelaburan	12.3	6.9	10.6
Kos operasi	35.2	23.7	35.8
Kos kredit	2.3	2.3	3.3
Mudah Tunai dan Pendanaan			
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	150.7	149.6	144.8
Antaranya:			
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai MYR	167.5	166.4	157.1
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih	115.9	114.7	113.4
Purata berwajaran kos deposit	2.4	2.4	2.4
Purata berwajaran kos dana	2.6	2.6	2.7

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan diagregatkan pada peringkat entiti dan diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik. Pulangan atas aset dan ekuiti dikira berdasarkan keuntungan tahunan sejak awal tahun sehingga kini.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama (samb.)**

	2025	2026	
	S3	S2	S3[a]
	% (atau dinyatakan sebaliknya)		
Sistem Perbankan			
Mudah Tunai dan Pendanaan			
Hutang luar negeri (RM bilion)	440.5	500.2	520.6
Antaranya:			
Peminjaman antara bank	237.7	264.7	269.6
Penempatan oleh institusi kewangan dan vostro	33.1	43.1	52.2
Deposit diterima daripada entiti bukan institusi kewangan	113.9	123.3	123.8
Sekuriti hutang	4.1	11.8	15.3
Hutang luar negeri FCY berisiko (RM bilion)[2]	91.7	97.3	106.2
Aset mudah tunai FCY (RM bilion)[3]	239.5	264.2	239.6
Kualiti Aset			
Nisbah pinjaman terjejas kasar[4]	1.4	1.4	1.4
Nisbah pinjaman Tahap 2	6.6	5.9	6.0
Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan)	129.1	124.6	126.0
Kos kredit tahunan (mata asas)	13.1	19.0	17.6
Kepekaan terhadap Risiko Pasaran			
Kedudukan terbuka bersih FX (bahagian jumlah modal)	3.8	3.6	4.3
Antaranya:			
Kedudukan terbuka bersih USD (bahagian jumlah modal)	2.2	2.0	2.4

[a] Awalan
[2] Hutang luar negeri berisiko bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan.
[3] Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak terikat (*unencumbered*) dalam pegangan dan penempatan antara bank.
[4] Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama (samb.)**

	2025	2026	
	S3	S2	S3[a]
	% (atau dinyatakan sebaliknya)		
Sektor Insurans dan Takaful			
Nisbah kecukupan modal	225.8	224.5	223.9
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga			
Keuntungan bersih selepas cukai (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)[5]	n.a.	3.7	4.6
Premium/sumbangan perniagaan baharu (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)	19.7	15.3	22.1
Nisbah kecukupan modal[6]	216.5	214.2	216.2
Insurans Am dan Takaful Am			
Keuntungan bersih selepas cukai (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)[5]	n.a.	2.0	2.7
Premium/sumbangan langsung kasar (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)	22.8	15.7	23.5
Nisbah tuntutan[7]	58.2	58.4	57.7
Nisbah kecukupan modal[6]	250.2	244.3	243.3
Institusi Kewangan Pembangunan[8]			
Pemberian pinjaman kepada sektor disasarkan (pertumbuhan tahunan)	8.2	6.4	5.8
Deposit digembleng (pertumbuhan tahunan)	6.0	10.0	9.7
Nisbah pinjaman terjejas kasar[4]	5.8	4.5	4.4
Pulangan atas aset (berasaskan keuntungan sebelum cukai)[9]	1.3	1.1	1.0

[a] Awalan
[4] Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
[5] Data diukur pada peringkat keseluruhan syarikat berdasarkan piawaian perakaunan MFRS 17. Oleh itu, angka-angka mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[6] Data merangkumi penanggung insurans semula/pengendali takaful semula komposit yang memegang pelbagai lesen, yang diklasifikasikan di bawah sektor hayat/keluarga atau am berdasarkan segmen perniagaan utama mereka.
[7] Berdasarkan tuntutan bersih yang ditanggung sejak awal tahun sehingga kini dan pendapatan premium/sumbangan yang diperoleh. Oleh itu, angka-angka mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[8] Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
[9] Pulangan atas aset dikira berdasarkan keuntungan tahunan sejak awal tahun sehingga kini.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama (samb.)**

	2025	2026	
	S3	S2	S3[a]
	% (atau dinyatakan sebaliknya)		
Sektor Isi Rumah (IR)			
Aset kewangan IR (RM bilion)	3,549.1	3,776.2	3,792.3
Pertumbuhan aset kewangan IR (tahunan)	6.8	8.6	6.9
Hutang IR (RM bilion)	1,689.2	1,754.3	1,778.1
Nisbah hutang IR kepada KDNK	84.7	83.2	82.0
Pertumbuhan hutang IR (tahunan)	5.6	5.3	5.3
Antaranya (pertumbuhan tahunan):			
Harta tanah kediaman	6.0	5.6	5.5
Harta tanah bukan kediaman	4.1	5.1	5.2
Kereta	7.3	6.5	6.5
Kad kredit	8.9	3.9	2.9
Pembiayaan peribadi	3.7	3.2	3.7
Sekuriti	(0.2)	3.5	4.0
Median nisbah khidmat hutang bagi pinjaman terkumpul	32.1	32.1	32.0
Median nisbah hutang kepada pendapatan (kali)	1.3	1.3	1.3
Nisbah pinjaman terjejas kasar (pinjaman bank + institusi kewangan pembangunan (IKP))[4]	1.1	1.1	1.1
Sektor Perniagaan			
Hutang syarikat korporat bukan kewangan (RM bilion)	2,080.7	2,216.6	2,321.5
Nisbah hutang syarikat korporat bukan kewangan kepada KDNK	104.4	105.2	107.0
Nisbah pinjaman terjejas kasar (pinjaman bank + IKP)[4]	3.2	2.8	2.7
Nisbah pinjaman Tahap 2 (pinjaman bank + IKP)	11.8	9.8	9.9
Perusahaan kecil dan sederhana (PKS)			
Nisbah pinjaman terjejas kasar (pinjaman bank + IKP)[4]	3.6	3.6	3.6
Nisbah pinjaman Tahap 2 (pinjaman bank + IKP)	11.9	10.5	10.8
Nisbah pinjaman tertunggak[10]	1.3	1.2	1.0
Pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman (bahagian jumlah pinjaman PKS)[11]	3.9	3.9	3.4

[a] Awalan
[4] Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
[10] Berdasarkan pinjaman yang tertunggak selama satu atau dua bulan.
[11] Pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman merujuk pinjaman yang distrukturkan semula dan dijadualkan semula (*restructured and rescheduled*) oleh bank-bank dan pinjaman di bawah pelbagai program Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama (samb.)**

	2025	2026	
	S3	S2	S3[a]
	% (atau dinyatakan sebaliknya)		
Sektor Harta Tanah			
Harta tanah kediaman			
Pembiayaan akhir (RM bilion)	882.4	916.9	929.2
Pembiayaan akhir (bahagian jumlah pinjaman sistem perbankan)	38.0	37.8	37.7
Pertumbuhan pembiayaan akhir (tahunan)	6.1	5.4	5.3
Nisbah pinjaman terjejas kasar[4]	1.1	1.2	1.1
Median nisbah pinjaman kepada nilai	70.2	70.6	70.8
Harta tanah bukan kediaman[12]			
Pembiayaan akhir (RM bilion)	284.9	301.7	307.2
Pembiayaan akhir (bahagian jumlah pinjaman sistem perbankan)	12.3	12.5	12.5
Antaranya:			
Ruang pejabat dan kompleks beli-belah (bahagian jumlah pinjaman sistem perbankan)	2.6	2.5	2.4
Pertumbuhan pembiayaan akhir (tahunan)	7.1	7.9	7.8
Nisbah pinjaman terjejas kasar[4]	1.5	1.5	1.5
Median nisbah pinjaman kepada nilai	54.6	54.8	55.0

[a] Awalan
[4] Berdasarkan pembiayaan Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
[12] Merangkumi segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah serta rumah kedai, di samping segmen bukan kediaman lain seperti bangunan industri, hotel dan pembelian tanah.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: **Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama: Kewangan Islam**

	2025	2026	
	S3	S2	S3[a]
	% (atau dinyatakan sebaliknya)		
Sistem Perbankan Islam			
Kecukupan Modal			
Nisbah jumlah modal	17.9	17.7	17.3
Nisbah modal Kumpulan 1	14.7	14.8	14.3
Nisbah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.0	14.0	13.5
Keuntungan[1]			
Pulangan atas aset (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	1.1	1.0	1.0
Pulangan atas ekuiti (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	14.6	13.2	13.7
Pulangan atas ekuiti (berasaskan keuntungan selepas cukai)	11.2	10.2	10.5
Keuntungan sebelum cukai (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)	9.6	6.1	9.5
Antaranya:			
Pendapatan keuntungan bersih	17.4	12.2	18.4
Pendapatan fi	1.9	1.4	2.2
Pendapatan perdagangan dan pelaburan	1.7	0.9	1.2
Kos operasi	8.7	5.9	9.0
Kos kredit	1.7	1.7	2.3
Mudah Tunai dan Pendanaan			
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	149.6	142.0	129.8
Antaranya:			
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai MYR	152.6	146.4	131.9
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih[2]	111.7	109.9	109.4
Purata berwajaran kos deposit	2.66	2.64	2.68
Purata berwajaran kos dana	2.78	2.77	2.81
Akaun pelaburan (bahagian jumlah deposit dan akaun pelaburan)	16.8	16.9	18.2

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan Islam diagregatkan pada peringkat entiti. Pulangan atas aset dan ekuiti dikira berdasarkan keuntungan tahunan sejak awal tahun sehingga kini.
[2] Nisbah Pendanaan Stabil Bersih bagi subsidiari perbankan Islam dilaporkan pada peringkat kumpulan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: **Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama: Kewangan Islam (samb.)**

	2025	2026	
	S3	S2	S3[a]
	% (atau dinyatakan sebaliknya)		
Sistem Perbankan Islam			
Kualiti Aset			
Nisbah pembiayaan terjejas kasar[3]	1.4	1.5	1.4
Nisbah pembiayaan Tahap 2	6.6	6.0	6.0
Nisbah perlindungan kerugian pembiayaan (termasuk rizab pengawalseliaan)	97.1	93.4	94.2
Kos kredit tahunan (mata asas)	23.4	33.2	28.5
Sektor Takaful			
Nisbah kecukupan modal	230.4	222.1	226.1
Takaful Keluarga			
Keuntungan bersih selepas cukai (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)[4]	1.0	0.6	0.8
Sumbangan perniagaan baharu (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)	7.5	5.4	7.9
Nisbah kecukupan modal[5]	228.3	223.7	229.9
Takaful Am			
Keuntungan bersih selepas cukai (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)[4]	0.7	0.6	0.8
Sumbangan langsung kasar (sejak awal tahun sehingga kini, RM bilion)	4.8	3.5	5.2
Nisbah tuntutan[6]	63.4	62.1	61.9
Nisbah kecukupan modal[5]	234.1	219.6	220.3

[a] Awalan
[3] Berdasarkan pembiayaan Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
[4] Data diukur pada peringkat keseluruhan syarikat berdasarkan piawaian perakaunan MFRS 17. Oleh itu, angka-angka mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[5] Data merangkumi pengendali takaful semula komposit yang memegang pelbagai lesen, yang diklasifikasikan di bawah sektor keluarga atau am berdasarkan segmen perniagaan utama mereka.
[6] Berdasarkan tuntutan bersih yang ditanggung sejak awal tahun sehingga kini dan pendapatan sumbangan yang diperoleh. Oleh itu, angka-angka mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia